

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 SEPTEMBER 2015 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Jabatan Meteorologi siap sedia lakukan pembenihan awan	BERNAMA
2.	Jerebu: 10 kawasan catat IPU tidak sihat	Mingguan Malaysia
3.	After days of clear skies, haze returns to Sabah	Sunday Star
4.	Johor situation improves	New Sunday Times
5.	Haze to clear next month	New Sunday Times



Jabatan Meteorologi Siap Sedia Lakukan Pembenihan Awan



Persiapan sebelum pembenihan awan dijalankan (Gambar Fail Bernama)

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) bersiap sedia melakukan pembenihan awan sekiranya bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) kekal pada tahap tidak sihat antara 101 dan 200 selepas 72 jam, bermula petang semalam.

[Pegawai Meteorologi Kanan Dr Mohd Hisham Mohd Anip](#) berkata tinjauan bermula pada 5 petang semalam mendapati beberapa kawasan mencatat IPU melebihi 100.

"Kalau keadaan ini berterusan selama 72 jam atau tiga hari berturut-turut maka operasi pembenihan awan akan diaktifkan mengikut prosedur yang ditetapkan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata ketampakan rendah berlaku di bahagian barat Sarawak dengan jarak 500 meter dan kawasan pedalaman di Pahang merekodkan jarak penglihatan paling minimum sejauh satu kilometer setakat petang ini.

"Dalam tempoh dua atau tiga hari, hujan berkurangan terutama di kawasan yang terjejas jerebu dan keadaan ini akan kembali reda pada awal Oktober disertai dengan taburan hujan yang lebih banyak dan menyeluruh di seluruh negara," kata Mohd Hisham.

Dalam pada itu, Mohd Hisham berkata taufan Dujuan dari Filipina yang mempengaruhi tiupan angin berjerebu dari Sumatera dan Kalimantan sedang bergerak ke timur China dan dijangka 'melemah' di kawasan itu.

Menurut portal Jabatan Alam Sekitar, setakat pukul 2 petang, tiga kawasan merekodkan IPU sangat tidak sihat berbanding lima pada 11 pagi tadi.

Shah Alam mencatatkan bacaan IPU tertinggi iaitu 239, diikuti Batu Muda, Kuala Lumpur (228), dan Pelabuhan Klang (215).

Petaling Jaya dan Putrajaya yang mencatatkan IPU sangat tidak sihat pada pagi tadi menurun ke tahap tidak sihat iaitu masing-masing 196 dan 193.

Selain dua kawasan itu, 14 kawasan lain turut merekodkan IPU tidak sihat iaitu Sri Aman (186), Banting (181), Cheras (176), Kuala Selangor (163), Tanjung Malim (150), Samarahan (145), Seremban (141), Kuching (133), Nilai (131), Sri Manjung (126), Port Dickson (125), Jerantut (123), SK Jalan Pegoh, Ipoh (106) dan Bukit Rambai (101).

IPU antara 0 dan 50 adalah baik, 51 hingga 100 sederhana, 101 hingga 200 tidak sihat, 201 hingga 300 sangat tidak sihat dan 300 ke atas berbahaya.

Orang ramai boleh merujuk portal <http://apims.doe.gov.my> untuk mengetahui bacaan IPU semasa.

-- BERNAMA

Jerebu: 10 kawasan catat IPU tidak sihat

Oleh SHEILA RANI
CHANDRASEKARAN
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 26 SEPT.

SEBANYAK 10 kawasan di seluruh negara hari ini mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) pada tahap tidak sihat dengan bacaan melebihi 100.

Menurut laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) sehingga pukul 5 petang ini, Bandaraya Melaka mencatat IPU tertinggi iaitu 133 diikuti Balok Baru, Pahang (131); Kemaman, Terengganu (126); Indera Mahkota, Pahang (112); Port Dickson, Negeri Sembilan (103) serta Bukit Rambai, Melaka dan Shah Alam, Selangor masing-masing 102.

Seremban, Negeri Sembilan; Pelabuhan Klang, Selangor dan Kuching di Sarawak juga merekodkan bacaan IPU tidak sihat iaitu 101.

Sebanyak 34 kawasan mencatat tahap IPU yang sederhana manakala tujuh kawasan pula mencatatkan kualiti udara yang baik.

Bacaan IPU antara 0-50 menggambarkan kualiti udara yang baik manakala 51-100 (sederhana), 101-200 (tidak sihat), 201-300 (sangat

tidak sihat) dan 300 ke atas (berbahaya).

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail berkata, keadaan jerebu yang melanda negara dijangka pulih pada Oktober ini.

"Jerebu yang dialami pada ketika ini berpunca daripada rentas sempadan. Sekarang kita berada pada musim antara monsun iaitu tiupan angin adalah lemah dan cuaca lebih lembap.

"Kehadiran ribut tropika Dujuan menyebabkan angin kembali menjadi angin barat daya yang membawa bersama jerebu dari Sumatera, Indonesia ke Semenanjung dan Kalimantan ke Sabah dan Sarawak. Bagaimanapun, keadaan ini dijangka pulih pada Oktober ini," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini.

Selain itu, beliau berkata, operasi pembenihan awan hanya akan dilaksanakan mengikut kriteria yang ditetapkan di bawah Peraturan Tetap Jerebu Kebangsaan.

Katanya, pihaknya bersama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan melaksanakan operasi pembenihan awan apabila bacaan IPU mencapai tahap tidak sihat untuk

tiga hari berturutan.

"JAS akan memantau bacaan IPU secara berterusan dan memaklumkan kepada pihak kami dan TUDM apabila kriteria telah dicapai.

"Operasi pembenihan awan hanya boleh dilakukan dalam keadaan cuaca, awan yang sesuai dan lembap," ujarnya.

Sementara itu di Bandaraya Shah Alam dan Pelabuhan Klang terus mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) paling tidak sihat melebihi 100 setakat pukul 5 petang ini.

Menurut laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS), kawasan ini mencatat IPU melebihi 100 dengan bacaan, Shah Alam (102) dan Pelabuhan Klang (101) manakala lain-lain tempat seperti Petaling Jaya (99) dan Kuala Selangor (79).

Dalam pada itu, tinjauan *Mingguan Malaysia* mendapati, persekitaran bandar raya ini terus diselubungi jerebu sehingga menyebabkan pandangan kira-kira 500 meter menjadi kabur.

Orang ramai juga turut dilihat tidak memakai topeng muka untuk melindungi diri daripada masalah jerebu.



WALAUPUN jerebu mencecah IPU 170, orang ramai tetap melakukan aktiviti harian termasuk gotong-royong melapah daging korban di Kampung Gajah, Johor, semalam. - MINGGUAN/AMIN FARIZ HASAN

KERATAN AKHBAR
SUNDAY STAR (NATION) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 27 SEPTEMBER 2015 (AHAD)

After days of clear skies, haze returns to Sabah

KOTA KINABALU: Air quality in the city deteriorated, with visibility reduced to about 3km on Saturday as many parts of the state were shrouded by the haze again.

After several days of clear skies, hazy conditions prevailed in many districts, with northern Kudat and Tawau in the east coast reporting visibility of 4km.

Sabah Meteorological Services Department director Abdul Malik Tussin said visibility in Labuan was also reduced to 4km yesterday.

He said the hazy conditions were due to the prevailing south-westerly winds that were blowing in smoke and airborne particulates from hotspots in Kalimantan.

The haze in Sabah is expected to persist for another two days.

"It will clear after a rainy spell which we are expecting over the next few days," said Abdul Malik.

He added that afternoon showers were also anticipated over parts of Sabah's west coast, east coast districts and in the interior.

Johor situation improves

MODERATE LEVEL:

Schools open today

CHUAN BEE KIM
JOHOR BARU
news@nst.com.my

THE haze situation in Johor improved yesterday, meaning schools will open today.

The Air Pollutant Index (API) in four areas moved into the moderate level yesterday.

Three areas in Johor had recorded unhealthy air pollution levels since Thursday.

At 9pm last night, the API reading in Pasir Gudang was 74, Larkin (67), Kota Tinggi (59) and Muar (95).

It was in contrast with the readings at 6am yesterday when Larkin and Pasir Gudang recorded API readings of 104 and 105, respectively.

Johor Education Department director Aminudin Adam said schools would be open today as the directive to close applied only when the API readings reached 200.

State Health and Environment Committee chairman Datuk Ayub Rahmat said the school break was over for pupils as the API of all four zones were below 100.

The Education Ministry also said in a statement that schools in Johor, Kelantan and Terengganu would open today after the API readings in those states fell below 200.

"But the state education departments and district education offices should continue to monitor the API readings."

Meanwhile, Senai Airport Terminal Services Sdn Bhd chief operating officer Noor Safura Suib said flights were operating as usual yesterday.

Twenty-one domestic and international flights were cancelled due to the haze at the airport on Friday.

In Subang, Selangor, flights resumed at the Sultan Abdul Aziz



Haze shrouds Kuala Lumpur International Airport 2 in Sepang yesterday. Bernama pic

Shah airport yesterday after being closed at 4.35pm when haze reduced the visibility at the runway.

Malaysia Airports Holdings Bhd corporate communications general manager Nik Anis Nik Zakaria told the *New Straits Times* that the runway reopened at 7.45pm following improvement in visibility.

"Passengers are advised to check with their airlines on flight schedule

for confirmation."

Earlier, Department of Civil Aviation director-general Datuk Azharuddin Abdul Rahman said flights landing at the airport were cancelled at 4.35pm when visibility dipped to 500m.

Flights operated by Firefly and Malindo were also cancelled.

In Sepang, Selangor, only one Malaysia Airlines Bhd flight was af-

ected by the haze yesterday.

Flight MH2591 from Miri was diverted from here to Penang, having taken off at 11.15am and was bound for the Kuala Lumpur International Airport.

"Aside from MH2591, all other Malaysia Airlines flights in and out of KLIA were not affected by the haze," the national carrier said in a statement.

A Malaysia Airports Holdings Bhd spokesman later confirmed that MH2591 landed safely in KLIA at 4.12pm yesterday.

The Air Pollutant Index in Putrajaya as of 4pm yesterday was an unhealthy 105.

The Meteorological Department said poor visibility was recorded near Sepang, with visibility down to 700m.

'Haze to clear next month'

KUALA LUMPUR: The haze blanketing Peninsular Malaysia will begin to clear early next month.

Malaysian Meteorological Department (Met) director-general Datuk Che Gayah Ismail said Cyclone Dujuan, which built up in the northeast of Luzon Island, the Philippines, last Tuesday, caused a change in wind direction and brought the haze back from Indonesia.

"We can expect to be free from the haze soon," she said yesterday.

Che Gayah said the inter-monsoon season would bring frequent rainfall in the afternoon.

Cyclone Dujuan had caused the wind to blow from the south, bringing the smog from Sumatra and Kalimantan to Malaysia.

The cyclone is expected to make

landfall in China on Tuesday, which will alter the wind direction again.

Che Gayah said cloud seeding operations would be conducted only when the Air Pollutant Index (API) readings in an area hit unhealthy levels for 72 consecutive hours.

She said Met was monitoring the situation in Johor as three stations — Pasir Gudang, Larkin Lama and Kota Tinggi — had reported unhealthy API since Thursday.

However, these stations saw a slight improvement in air quality yesterday morning, recording moderate level API readings at 1pm.

An API reading of 0 to 50 indicates good air quality; 51 to 100, moderate; 101 to 200, unhealthy; 201 to 300, very unhealthy and 300 and above, hazardous.

The situation worsened yesterday evening when 16 locations recorded unhealthy API readings.

As at 6pm yesterday, Malacca city centre recorded the highest API reading at 134, followed by Balok Baru in Pahang (129).

Other areas that recorded unhealthy API readings were Bukit Rambai, Malacca (104); Nilai (103), Port Dickson (108) and Seremban (106) in Negri Sembilan; Indera Mahkota, Pahang (110) and Kemaman, Terengganu (125).

In the Klang Valley, unhealthy API readings were recorded in Shah Alam (111), Batu Muda (109), Petaling Jaya (108), Port Klang (108), Putrajaya (105) and Banting (104).

In Sarawak, Kuching and Sri Aman had API readings of 105.